Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, Vol.14 (2), 1 - 15, 2026
Budiman Writers Association of Malaysia (BUDIMAN)
ISBN:2637-126X

Kelangsungan Cerita Lisan Brunei: Pendokumentasian, Pentafsiran dan Adaptasi Merentas Masa

The Continuity of Brunei's Oral Stories: Documentation, Interpretation, and Adaptation Across Time

Norhairunissa Radhiah binti Haji Bini
nissa.radhiah@hotmail.com
Brunei Darussalam

Harni Susanti binti Sayong
25H8070@ubd.edu.bn
Universiti Brunei Darussalam

Maslin bin Haji Jukim/Jukin
maslin.jukim@ubd.edu.bn
Universiti Brunei Darussalam

Received: 04 May 2026; Published: 21 November 2026

Cite this article (APA) as:

Haji Bini, N. R., Sayong, H. S., & Jukim/Jukin, M. (2026). Kelangsungan Cerita Lisan Brunei: Pendokumentasian, Pentafsiran dan Adaptasi Merentas Masa. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 14(2), 1 -15. Retrieved from https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/219

ABSTRAK

Cerita lisan Brunei merupakan khazanah warisan budaya yang mengandungi pelbagai pengetahuan, nilai kemanusiaan, hubungan manusia dengan alam serta memori kolektif masyarakat. Namun demikian, sebahagian besar bahan ini pernah tersimpan dalam bentuk manuskrip (himpunan transkripsi) selama lebih tiga dekad dan berdepan risiko kehilangan, keterbatasan akses serta kurangnya penghayatan oleh generasi muda. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan meneliti proses pendokumentasian, pemuliharaan dan transformasi cerita lisan Brunei daripada manuskrip kepada pelbagai medium kontemporari, di samping menganalisis peranan dan relevansinya dalam kehidupan masyarakat masa kini. Bahan kajian terdiri daripada himpunan cerita lisan yang merangkumi empat daerah di Negara Brunei Darussalam, termasuk penerbitan sebuah buku cerita lisan, dua buah buku tafsiran dan refleksi generasi semasa, himpunan skrip drama pentas, dua buah komik serta dua buah video adaptasi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan terhadap teks, naratif dan hasil adaptasi yang dihasilkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses transformasi daripada manuskrip kepada media kontemporari berjaya memperluas jangkauan cerita lisan kepada pelbagai lapisan masyarakat serta menghidupkan semula makna dan fungsi warisan tersebut dalam konteks semasa. Cerita-cerita yang diadaptasi terus mengekalkan nilai pendidikan, pembentukan sahsiah, penghargaan terhadap alam sekitar, pengukuhan identiti budaya dan pemupukan hubungan antara generasi. Selain itu, penggunaan medium kreatif seperti drama, komik dan video didapati meningkatkan kebolehaksesan serta keterlibatan khalayak, khususnya golongan muda. Kajian ini signifikan dalam memperlihatkan bahawa cerita lisan bukan sekadar warisan budaya yang perlu dipelihara, tetapi juga sumber pengetahuan dan nilai yang boleh ditransformasikan secara kreatif untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat,

ISBN:2637-126X

kelestarian alam dan kesinambungan kehidupan merentas generasi. Dengan demikian, usaha pendokumentasian dan adaptasi media berpotensi menjadi model pemuliharaan warisan tidak ketara yang lebih dinamik dan lestari pada masa hadapan.
Kata kunci: Cerita lisan Brunei, transformasi media, warisan budaya tidak ketara, adaptasi kreatif, pemuliharaan budaya, hubungan antara generasi.

ABSTRACT

Brunei's oral stories represent a rich cultural heritage encompassing diverse forms of knowledge, human values, relationships between humans and the natural environment, as well as the collective memories of the community. However, much of this heritage had remained in manuscript form (collections of transcribed oral stories) for more than three decades, facing the risks of loss, limited accessibility, and declining appreciation among younger generations. In response to this situation, this study aims to examine the processes of documentation, preservation, and transformation of Brunei's oral stories from manuscripts into various contemporary media. It also explores their roles and relevance in present-day society. The research materials comprise a collection of oral stories from all four districts of Brunei Darussalam. These include a published book of oral stories, two books featuring interpretations and reflections by the younger generation, a compilation of stage drama scripts, two comic books, and two video adaptations. This study adopts a qualitative approach, employing content analysis to examine the texts, narratives, and adaptation outputs. The findings show that transforming oral stories from manuscripts into contemporary media has successfully broadened their reach across different segments of society, while revitalising the meanings and functions of this heritage in the present-day context. The adapted stories continue to convey educational values, promote character development, encourage appreciation of the natural environment, strengthen cultural identity, and foster connections between generations. Furthermore, creative media such as drama, comics, and videos have been found to enhance accessibility and audience engagement, particularly among younger generations. The significance of this study lies in demonstrating that oral stories are not merely cultural heritage to be preserved, but also valuable sources of knowledge and values that can be creatively transformed to contribute to community well-being, environmental sustainability, and the continuity of cultural life across generations. Thus, documentation and media adaptation have the potential to serve as a more dynamic and sustainable model for safeguarding intangible cultural heritage in the future.
Keywords: Brunei Oral Stories, Media Transformation, Intangible Cultural Heritage, Creative Adaptation, Cultural Preservation, Intergenerational Relationships.

PENGENALAN

Teknologi merupakan suatu entiti yang dinamik dan sentiasa mengalami perkembangan seiring dengan peredaran zaman. Pada masa ini, pelbagai aspek kehidupan manusia semakin berkait rapat dengan penggunaan teknologi. Perkembangan ini telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat terhadap kemungkinan penguasaan atau dominasi teknologi canggih, khususnya Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*, AI). Walau bagaimanapun, perkembangan teknologi tidak seharusnya dilihat semata-mata dari sudut negatif, sebaliknya perlu turut dinilai berdasarkan potensi dan manfaat positif yang dapat dimanfaatkan oleh manusia. Sehubungan dengan itu, kemunculan AI wajar dimanfaatkan secara optimum dalam kehidupan seharian, selaras dengan transformasi yang berlaku dalam era kemajuan teknologi. Dalam konteks ini, timbul keperluan untuk meneliti kedudukan warisan budaya yang turut mendapat perhatian UNESCO melalui usaha pemeliharaan dan pelestariannya. Hal ini menimbulkan

ISBN:2637-126X

perbincangan tentang sejauh mana usaha melestarikan warisan budaya dapat direalisasikan dalam kehidupan masyarakat yang semakin bertulang belakangkan teknologi canggih ini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Umumnya, warisan budaya telah mengalami proses pendokumentasian yang berevolusi. Bermula dari lisan, beralih kepada tulisan, kemudian mesin cetak dan kini teknologi. Dalam setiap peralihan zaman, warisan budaya harus mengalami pelbagai cabaran dan hambatan. Cabaran dan hambatan dari satu zaman ke satu zaman ini tidak terlepas dari kebimbangan tentang kelangsungan nasib cerita lisan. Hal ini disebabkan oleh masyarakat yang sudah mengenal huruf dan tahu membaca dan menulis. Perkembangan ini turut mendorong pelaksanaan pelbagai proses salin menyalin, penyaduran, penterjemahan yang juga giat dilaksanakan. Sekarang, dunia semakin dibuat gusar dengan kemajuan teknologi digital, khusunya kemunculan Kecerdasan Buatan (*Artifcial Intelligence* atau AI). Hal ini demikian kerana keupayaan AI dalam memproses dan menghasilkan maklumat dengan pantas serta mudah. Malah, berpotensi mengubah cara masyarakat mengakses, menyampaikan dan mendokumentasikan warisan budaya.

Salah satu warisan budaya tidak ketara yang berkepentingan untuk dilestarikan ialah cerita lisan. Cerita lisan wujud dalam masyarakat yang hidup pada tahap sederhana dan buta huruf. Ia berlegar dalam kalangan masyarakatnya melalui penyampaian lisan dan berkesinambungan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Dalam konteks cerita lisan Brunei juga dilakukan pelestarian. Umpamanya, pendokumentasian cerita lisan yang diungkayahkan oleh program Kesusasteraan Melayu di Universiti Brunei Darussalam. Usaha ini dilaksanakan sebagai menyahut seruan UNESCO untuk melakukan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya.[1] Namun demikian, pendokumentasian semata-mata belum semestinya menjamin bahawa cerita lisan akan terus disampaikan, diketahui dan diwarisi oleh generasi seterusnya. Oleh itu, persoalan yang perlu diberikan perhatian ialah sejauh manakah cerita lisan Brunei dapat dikekalkan kelangsungannya dalam menghadapi perubahan sosial dan perkembangan teknologi digital, khusunya kemunculan AI.

OBJEKTIF KAJIAN

Cerita lisan Brunei antara budaya tidak ketara yang penting untuk dilestarikan. Pelbagai usaha perlu dilaksanakan agar cerita lisan tersebar luas dan dapat dinikmati oleh masyarakat. Hal ini kerana jika perkara ini disimpan tanpa tindakan selajutnya, cerita lisan setentunya akan hilang ditelan zaman. Tambahan lagi, generasi muda masyarakat Brunei tidak akan pernah mengetahui akan keberadaan cerita lisan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneliti usaha mengekalkan kelangsungan cerita lisan Brunei melalui pendokumentasian, pentafsiran dan adaptasi kepada pelbagai medium kontemporari seiring dengan perkembangan teknologi.

BAHAN DAN RUANG LINGKUP KAJIAN

Penelitian ini akan memfokuskan kepada bahan cerita lisan yang terkumpul dalam simpanan program Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam. Bahan ini telah dikumpulkan selama hampir tiga dekad iaitu sejak tahun 1990/1991. Cerita lisan tersebut berbentuk prima kerana masih dalam keadaan transkripsi. Kemudian, bahan diperluaskan lagi kepada cerita lisan dalam pelbagai bentuk yang sesuai untuk pencapaian umum dan dapat dinikmati oleh masyarakat umumnya. Bahan-bahan tersebut

[1] UNESCO telah menyuarakan tentang perlunya untuk memelihara dan memulihara Warisan Budaya Tidak Ketara (*Intangible Cultural Heritage*) melalui *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage* yang berlangsung pada tahun 2003. (https://ich.unesco.org/en/convention#part3)

ISBN:2637-126X

termasuklah buku *Cerita Lisan Brunei* (2024), *Cerita Lisan Brunei Siri 2: Beberapa Catatan Pemikiran* (2025), *Cerita Lisan Brunei Siri 3: Pemikiran Sepintas Lalu* (2025), *Cerita Lisan Brunei Siri 4: Antologi Skrip Drama Pentas* (2025), *Cerita Lisan Brunei Siri 5: Komik Manusia Menjadi Pantung* (2026) dan *Cerita Lisan Brunei Siri 6: Komik Bukit Tempayan Pisang* (2026).

RINGKASAN KAJIAN LEPAS

Perkembangan kecerdasan buatan (AI) dalam bidang kesusasteraan telah menarik perhatian para sarjana untuk meneliti pemanfaatannya daripada pelbagai perspektif. Perbincangan mengenainya memperlihatkan pandangan yang menyokong dan menentang penggunaan AI, di samping mengetengahkan pendekatan yang lebih seimbang antara kecerdasan buatan dengan kecerdasan semula jadi manusia. Hal ini turut menjadi perhatian dalam Seminar Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) yang berlangsung di Kuching, Sarawak, Malaysia pada 21 hingga 22 September 2026, bertemakan "Mengimbangi Kecerdasan Buatan dengan Kecerdasan Semula Jadi dalam Sastera". Kemajuan teknologi ini juga membuka ruang baharu dalam proses alih wahana dan adaptasi karya sastera kepada pelbagai medium kontemporari.

Dalam konteks cerita lisan Brunei, Ena Herni melalui kertas kerjanya yang dibentangkan dalam SAKAT 2025 di Singapura turut menyentuh adaptasi cerita lisan. Walau bagaimanapun, perbincangan tersebut lebih tertumpu pada pedagogi persembahan yang mewakili naratif Global Selatan. Penelitian berkenaan memperlihatkan bahawa cerita lisan Brunei mempunyai potensi untuk diangkat ke dalam bentuk persembahan dan dibincangkan dalam wacana kesusasteraan yang lebih luas. Begitu juga dalam kertas kerjanya yang lain, Ena Herni (2026) mengemukakan tentang menghidupkan karya sastera melalui adaptasi komik dalam ruang lingkup pendidikan. Namun, ruang lingkupnya berbeza daripada kajian ini yang memberikan tumpuan kepada usaha mengekalkan kelangsungan cerita lisan Brunei melalui pendokumentasian, pentafsiran dan adaptasi dengan memanfaatkan perkembangan teknologi, khususnya AI.

Walaupun penelitian tentang AI dalam kesusasteraan semakin berkembang, pemanfaatannya dalam pendokumentasian, pemuliharaan dan transformasi cerita lisan Brunei masih memerlukan penelitian yang lebih khusus. Persoalannya bukan sekadar kemampuan AI membantu menghasilkan bentuk persembahan baharu, tetapi juga sejauh mana proses tersebut dapat mengekalkan kandungan asal cerita, nilai budaya dan peranan manusia dalam penghasilannya. Hal ini penting kerana cerita lisan merupakan sebahagian daripada warisan budaya tidak ketara yang mengandungi pengetahuan, nilai dan pengalaman masyarakat pendukungnya. Keperluan untuk memahami hubungan antara pemanfaatan AI dengan usaha mengekalkan keaslian dan kesinambungan warisan cerita lisan inilah yang menjadi ruang penelitian yang menggerakkan kajian ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini meneliti usaha pendokumentasian, pentafsiran dan adaptasi cerita lisan Brunei daripada manuskrip kepada pelbagai medium kontemporari dengan bantuan AI secara berhemah. Penelitian ini turut mengambil kira agenda UNESCO dalam melindungi warisan budaya tidak ketara, di samping membincangkan potensi medium baharu dalam mengekalkan peranan dan relevansi cerita lisan Brunei dalam kehidupan masyarakat masa kini.

SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini signifikan dalam memperlihatkan bahawa cerita lisan Brunei bukan sekadar warisan budaya yang perlu dipelihara, tetapi juga merupakan sumber pengetahuan, nilai dan pengalaman masyarakat yang wajar dikekalkan kesinambungannya. Kandungan cerita lisan yang mencerminkan hubungan manusia dengan masyarakat, alam sekitar dan kehidupan berpotensi dimanfaatkan sebagai sumber pendidikan, pembentukan nilai dan kesedaran terhadap kelestarian alam. Melalui transformasi kreatif kepada pelbagai medium kontemporari dengan bantuan kecerdasan buatan (AI), khazanah cerita lisan berpeluang diperkenalkan kepada khalayak yang lebih luas, khususnya generasi muda. Usaha ini membuka ruang

ISBN:2637-126X

untuk memperluas penyampaian dan penghayatan warisan budaya, sekali gus menyokong kesinambungan pengetahuan dan nilai masyarakat merentas generasi.

Selain itu, kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang pemanfaatan AI sebagai teknologi bantuan dalam proses pendokumentasian, pemuliharaan dan transformasi cerita lisan Brunei. Penelitian ini memberikan perhatian terhadap hubungan antara kemampuan teknologi dengan peranan manusia dalam memastikan kandungan asal cerita dan nilai budaya terus terpelihara. Dengan demikian, kajian ini bukan sahaja memperlihatkan potensi AI dalam memperluas kaedah penyampaian warisan, tetapi juga dapat menjadi rujukan bagi usaha pemuliharaan warisan budaya tidak ketara yang lebih kreatif, sistematik dan berhemah. Pendekatan yang menggabungkan teknologi dengan penelitian dan kreativiti manusia ini berpotensi menjadi asas kepada pembangunan model pemuliharaan warisan yang lebih dinamik, relevan dan lestari pada masa hadapan.

ANALISIS DAN DAPATAN

Situasi pendokumentasian cerita lisan di Brunei agak ketinggalan berbanding negara luar. Terdapat beberapa himpunan cerita lisan masih tersimpan dalam bentuk transkripsi. Umpamanya bahan kajian yang terdapat dalam koleksi yang dimiliki oleh program Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam. Bahan ini telah diperoleh melalui usaha para pelajar terdahulu. Bagi memenuhi keperluan tugasan, para pelajar telah diarahkan untuk menemu bual beberapa orang informan. Tujuannya untuk mengumpul sebanyak mungkin cerita lisan yang hanya berlegar di dalam masyarakat pemiliknya. Kawasannya juga diperluaskan meliputi seluruh Daerah di Negara Brunei Darussalam. Tidak hanya mengikut kawasan, ruang lingkup temu bual juga diperluaskan kepada cerita lisan tujuh puak Melayu yang ada di Brunei.

Hasilnya daripada usaha tersebut, terdapat sejumlah cerita lisan telah berjaya dikumpulkan dan dialih wahana daripada bentuk audio kepada bentuk transkripsi. Usaha mengumpul tersebut merupakan satu permulaan yang baik. Lebih-lebih lagi ke dalam bentuk transkripsi yang bercetak. Bahan ini boleh digunakan menjadi bahan kajian dan senang untuk dirujuk dan diperolehi oleh para pelajar universiti. Para pelajar boleh sahaja pergi ke tempat penyimpanan dan memulakan penelitian yang mereka ingini. Walau bagaimanapun, bahan ini hanya tersimpan dan diketahui di kalangan ahli akademik sahaja. Ia tidak tersebar luas dan diketahui oleh orang bukan dalam bidang akademik. Untuk beberapa dekad, bahan tersebut hanya tersimpan rapi tanpa tindakan selanjutnya.

Situasi ini mendatangkan kebimbangan dalam kalangan ahli akademik. Tanpa usaha yang sewajarnya, cerita lisan tersebut tentu tidak akan pernah diketahui oleh masyarakat luar. Bertitik tolak daripada hal tersebut, timbul kesedaran untuk melakukan sesuatu kepada bahan yang tersimpan tersebut. Bukan itu sahaja, usaha tersebut juga bertujuan untuk mengelakkan situasi menjadi semakin memburuk. Dengan mengambil kira beberapa aspek tertentu, sebuah projek telah dilaksanakan. Projek tersebut adalah sebagai salah satu usaha untuk melestarikan cerita lisan. Cerita lisan yang dalam bentuk manuskrip berjilid tersebut telah dialih bahasa dan diolah menggunakan bahasa Melayu Baku. Namun, tidak semua cerita diambil untuk dialih bahasa. Perkara ini kerana cerita yang dipilih haruslah bersesuaian dengan pembaca. Tambahan lagi pembaca yang disasarkan bukan hanya orang dewasa tetapi juga terdiri daripada remaja dan kanak-kanak.

Projek cerita lisan ini juga bertujuan untuk memberi ruang kepada khalayak umum sebagai pembaca. Dengan adanya usaha sebegini, pembaca dapat berkongsi sama menikmati segala yang terkandung dalam cerita lisan yang diwariskan oleh generasi terdahulu. Setelah cerita lisan tersebut melalui beberapa proses, akhirnya pada tahun 2024 terhasil sebuah buku berjudul *Cerita Lisan Brunei* seperti yang dipaparkan melalui gambar 1:

ISBN:2637-126X

Gambar 1:Muka depan Buku *Cerita Lisan Brunei* (2024)



Buku ini mengandungi sejumlah 50 buah cerita lisan. Kesemua cerita ini telah dialih dan diolah bahasanya menjadi bahasa Melayu Baku. Oleh sebab bahan awal dalam bentuk transkripsi, bahasanya tentu sahaja mengikut bahasa tempat temu bual tersebut berlaku. Sebagai contoh, jika bahan tersebut diperolehi daripada daerah Brunei Muara maka bahan tersebut akan tersimpan dalam bahasa Melayu Brunei. Meskipun sekiranya bahan ini sampai kepada masyarakat umum, belum tentu dapat difahami oleh pembaca. Hal ini juga yang mendorong untuk projek ini dilaksanakan sehingga berhasil diterbitkan menjadi sebuah buku. Berikut merupakan contoh petikan yang diolah menjadi bahasa Melayu Baku dalam Jadual 1:

Jadual 1: Contoh pengalihan dan Pengolahan Cerita Lisan dalam Bahasa Melayu Brunei kepada Bahasa Melayu Standard


Bahasa Melayu Brunei	Bahasa Melayu Standard
Lama kalamaan puteri yang bungsu anipun bersalinlah. Macam atu jua puteri yang tujuh tadi. Tetapi bila baranak kesemua anak-anak diaorang atu dimakan oleh diaorang. Ada anak dimakan. Ada anak dimakannya. Ganya puteri yang bungsu ani saja inda. Biar ia makan tanah namun makan anak inda sakali.	Setelah sekian lama mereka ditinggalkan, puteri-puteri tersebut pun masing-masing melahirkan anak. Namun anak-anak mereka yang lahir itu dimakan oleh mereka kerana lapar. Hanya Puteri Bungsu yang tidak memakan anaknya walaupun terpaksa memakan tanah kerana lapar.

Walau bagaimanapun, usaha untuk melestarikan cerita lisan Brunei tidak seharusnya terhenti di situ. Perlu ada usaha yang selanjutnya untuk memperlihatkan bahawa cerita lisan juga boleh dijadikan bahan rujukan, bukan hanya semata-mata sebuah buku cerita. Ternyata, penerbitan buku cerita lisan


ISBN:2637-126X

Brunei merupakan permulaan yang baik. Daripada penerbitan ini, bahan semakin mudah diakses dan boleh dijadikan bahan penelitian. Bertitik tolak daripada hal itu, program Kesusasteraan Melayu meneruskan usaha untuk menggunakan cerita lisan tersebut sebagai bahan penelitian. Buktinya dapat dilihat melalui penerbitan dua lagi buku yang terhasil daripada penelitian terhadap cerita Lisan Brunei. Dua buah buku tersebut seperti yang terpapar dalam gambar 2 dan 3 di bawah:

Gambar 2: Muka depan Buku
Cerita Lisan Brunei Siri 2: Beberapa Catatan Pemikiran (2025)



Gambar 3: Muka depan Buku *Cerita Lisan Brunei Siri 3: Pemikiran Sepintas Lalu* (2025)



ISBN:2637-126X

Kedua-dua buah buku yang dirujuk dalam Gambar 2 dan Gambar 3 berbeza bentuknya daripada buku cerita lisan Brunei dalam Gambar 1. Bentuk dalam erti kata pengisian buku tersebut. Buku pertama dimuatkan sepenuhnya dengan cerita-cerita lisan. Sebaliknya, bagi buku 2 dan 3 lebih memperlihatkan peralihan wacana kepada bentuk kompilasi esei. Esei-esei tersebut bersifat analisis dan merupakan tafsiran pemikiran terhadap cerita lisan yang terkandung dalam buku pertama. Lebih menarik lagi, esei tersebut merupakan hasil sumbangan daripada pelbagai lapisan generasi akademik. Bermula daripada para pensyarah. Kemudian, para pelajar pascasiswazah. Terakhir, para pelajar sarjana muda sastera yang mengikuti modul dalam Kesusasteraan Melayu.

Tujuan utama penerbitan kedua-dua buah buku tersebut adalah untuk mengetengahkan kepelbagaian sudut pandang dalam kalangan para peneliti. Hal ini kerana para peneliti berasal daripada generasi yang berbeza. Bukan itu sahaja, mereka juga mempunyai perbezaan dari segi latar belakang pemikiran dan pengalaman yang berkemungkinan mempengaruhi cara mereka mentafsir serta menilai sesebuah cerita. Perbezaan generasi ini memberikan ruang kepada munculnya pelbagai perspektif penelitian tentang cerita lisan. Hal ini merangkumi pelbagai aspek. Umpamanya, pemahaman terhadap kandungan cerita, penafsiran unsur budaya ataupun penilaian terhadap nilai dan makna yang terkandung di dalamnya.

Oleh itu, melalui penerbitan buku-buku berbentuk esei ini juga memperlihatkan kepelbagaian kecenderungan penyelidikan dalam kalangan peneliti. Perkara ini termasuklah pendekatan yang digunakan dalam perbincangan dan aspek cerita yang diberikan perhatian. Tafsiran yang dibuat juga terkait dengan realiti kehidupan di dunia moden. Umpamanya dapat dilihat melalui beberapa ringkasan umum yang diselitkan oleh penyelenggara di dalam buku *Cerita Lisan Siri 2: Beberapa Catatan Pemikiran* (2025), seperti di bawah:

> ….. memberikan kesimpulan tentang cerita lisan payau dari Daerah Belait merupakan cerita pengabsahan pantang larang memakan payau masyarakat puak Belait. Pantang larang ini masih dipercayai kerana terdapat banyak kejadian aneh dan masalah yang terjadi akibat melanggar pantang larang tersebut. Walau bagaimanapun, pantang larang tersebut bukan sahaja menjadi kepercayaan puak Belait, tetapi sebenarnya turut mencerminkan kearifan local masyarakat puak Belait. Cerita lisan dan pantang larang memakan payau ini sekaligus memperkayakan budaya dan tradisi puak Belait dan menjadi peraturan atau sebagai kawalan sosial masyarakatnya.
>
> (*Cerita Lisan Siri 2*, 2025)

> […]
> ….. memperlihatkan tentang tradisi masyarakat dahulu dalam perjodohan. Sungguhpun cerita lisan yang dijadikan bahan perbincangannya digolongkan sebagai cerita jenaka, namun cerita "Si Tatal" tetap mencerminkan sosialisasi dan budaya masyarakatnya. Berdasarkan penelitiannya, Ani 'Afifah mendapati bahawa perjodohan yang diamalkan tergambar dalam cerita lisan ini jauh berbeza jika ia dibandingkan dengan masyarakat sekarang walaupun masih ada segelintir masyarakat yang masih dijodohkan oleh keluarga.
>
> (*Cerita Lisan Siri 2*, 2025)

Dengan terhasilnya ketiga-tiga buah buku, memperlihatkan kejayaan dalam usaha memulihara dan memelihara warisan budaya ini. Bukan itu sahaja, perkara ini juga menunjukkan bahawa jangkauan cerita lisan Brunei semakin meluas. Tidak lagi terhad dan hanya berlegar di kalangan masyarakat pemiliknya semata-mata tetapi juga pelbagai warisan masyarakat. Di samping itu, hal ini turut

ISBN:2637-126X

menghidupkan semula makna dan fungsi warisan tersebut dalam konteks semasa. Cerita-cerita yang diolah terus mengekalkan nilai pendirikan, pembentukan sahsiah, penghargaan terhadap alam sekitar, pengukuhan identity budaya dan pemupukan hubungan antara generasi.

Cerita lisan Brunei telah melalui frasa pendokumentasian. Lalu, dialih dan diolah ke dalam bentuk buku yang mudah oleh generasi sekarang. Tidak hanya terhenti di situ, ia juga mampu untuk ditafsir kepentingannya oleh pembaca dan penyelidik daripada pelbagai generasi masyarakat. Melihat kepada keberjayaan dan sambutan yang menggalakkan daripada terbitan sebelumnya, diungkayahkan lagi beberapa usaha lain. Generasi sekarang sudah mampu untuk berkreatif. Berdasarkan kepada hal tersebut, usaha pengadaptasian cerita lisan Brunei mula dilakukan untuk dialih wahana ke dalam bentuk skrip drama pentas. Dengan itu, terbitlah buku yang menghimpunkan beberapa skrip drama pentas pada tahun 2025. Buku tersebut adalah seperti yang dipaparkan melalui gambar 4 di bawah:

Gambar 4: Muka depan dan belakang Buku Cerita
Lisan Brunei Siri 4: *Antologi Skrip Drama Pentas* (2025)





Dalam konteks sistem pelajaran di Brunei, Drama merupakan salah satu subjek yang dipelajari di sekolah. Drama menjadi *cumpolsary subject* yang terkandung di bawah tajuk kesenian dan kebudayaan[2]. Hal ini merupakan sesuatu yang baru diperkenalkan dalam kurikulum pelajaran Brunei dari peringkat rendah sehinggalah menengah. Oleh sebab subjek ini baru sahaja diajarkan, tahap pendedahan para guru dan murid terhadap drama juga adalah terhad. Meskipun mungkin guru tersebut berlatar belakangkan Kesusasteraan Melayu, pengajaran mengenai subjek drama juga merupakan sesuatu yang mencabar. Sebelumnya para guru yang menjadi pelajar modul drama tetapi setelah bekerja menjadi sebaliknya. Tambahan lagi, pengajaran drama ini perlu dilaksanakan mengikut level pembelajaran. Jika tidak dilakukan dengan baik, murid-murid tentu tidak akan dapat mengikutinya dengan mudah. Bukan itu sahaja, tidak semua aspek drama diajarkan kepada murid-murid dan hanya beberapa perkara yang penting umpamanya membaca skrip drama.

Bagi menyokong pelaksanaan pengajaran drama di sekolah-sekolah, maka terbitlah buku *Cerita Lisan Siri 4: Antologi Skrip Drama* ini. Penerbitan buku ini secara khusus disasarkan kepada golongan guru-guru subjek drama. Golongan yang dimaksudkan merangkumi kesemua guru subjek drama di peringkat sekolah rendah sehinggalah sekolah menengah. Tujuannya antara lain juga untuk membantu dan memudahkan para guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan

[2]https://wpstorage786f4c975e.blob.core.windows.net/wpblob786f4c975e/wpcontent/uploads/2026/06/SPN21-ENG-2013-COMPLETE.pdf

ISBN:2637-126X

dengan bidang drama. Bukan itu sahaja, buku ini juga boleh menjadi bahan rujukan untuk para guru untuk menyampaikan pengetahuan. Di samping itu juga, membantu untuk mendedahkan para pelajar mengenai drama. Selain itu, buku ini turut berperanan sebagai bahan sokongan ketika melakukan aktiviti kesenian khususnya pementasan drama pentas. Misalnya, para pelajar boleh melakukan pementasan berdasarkan skrip drama yang terkandung dalam buku tersebut. Salah satu cerita yang boleh dipentaskan ialah 'Bukit Tempayan Pisang' yang skripnya kelihatan seperti berikut:

PELAKON
1.Puteri Kayangan
2.Putera Maulu
3.Harimau (2 ekor)
4.Orang-orang kampung

ADEGAN 1

SLAID PERTAMA MEMAPARKAN GAMBAR 3 BUAH GUNUNG DAN SLAID TERAKHIR MENUNJUKAN GAMBAR BUKIT TEMPAYAN PISANG

NARATOR:
Pada zaman dahulu terjadi peperangan di antara tiga buah gunung. Gunung Tempayan Pisang, Gunung Maulu dan Gunung Kinabalu. Peperangan itu telah menyebabkan Gunung Tempayan Pisang berpecah belah dan jauh tersasar ke Brunei. Maka terciptalah Bukit Tempayan Pisang di negara ini.

LAMPU PENTAS DIPADAMKAN DAN SPOTLIGHT DITUJU PADA PUTERI KAYANGAN. MUZIK SEPERTI KAYANGAN DIMAINKAN. PUTERI KAYANGAN TERLIHAT SIBUK MENCARI BUNGA DI HUTAN UNTUK MANDIAN BUNGANYA

PUTERI KAYANGAN: Wah indah-indah bunga yang ada di sini. Baik aku mengambilnya laju-laju sebelum orang lain yang mengambilnya **(MEMETIK BUNGA-BUNGA)**

BUNYI EFEK DEDAUN SEPERTI ADA SESUATU BERADA DI SEMAK

PUTERI KAYANGAN: Bunyi apa tu? **(KETAKUTAN)**
PUTERA MAULU: Haa dapat pun. Mana kau mau lari? **(SAMBIL MEMEGANG SEEKOR PELANDUK)**

PUTERI KAYANGAN: apa kamu? Buat apa kamu ada di sini?!

ISBN:2637-126X

NARATOR:
Putera Maulu terkejut dan terpegun dengan kecantikan Puteri Kayangan yang sedang memarahinya.

PUTERA MAULU:	**(TERPINGGA)** Ham... hamba Putera Maulu. Maafkan hamba kalau hamba menganggu.

NARATOR:
Puteri Kayangan tersimpul malu. Itulah kali pertama beliau melihat jejaka yang tampan dan gagah selama beliau hidup di hutan itu.

LAMPU PENTAS DIPADAMKAN. PELAKON KELUAR DARI PENTAS

(*Antologi Skrip Drama*, 2025)

Petikan contoh di atas merupakan skrip drama pentas yang diadaptasi daripada cerita 'Bukit Tempayan Pisang.' Terdapat beberapa lagi skrip drama yang termuat dalam buku tersebut dapat dijadikan rujukan. Skrip juga dihasilkan dalam bentuk yang pendek dan mudah. Hal ini demikian agar para pembaca khususnya guru dan pelajar mudah untuk memahami dan melaksanakan aktiviti pementasan dan sebagainya. Perkara ini ada disebutkan oleh Maslin Haji Jukim (2025) dalam buku keempat ini:

> Oleh yang demikian, skrip drama pentas ini senghaja disediakan secara mudah dan 'straightforward' bagi kesesuaian warga sekolah. Kesesuaian yang dimaksudkan ialah jenis pentas yang terdapat di sekolah-sekolah dan kelengkapan pentas di setiap sekolah, props yang mudah diperolehi, serta kostum yang dapat diusahakan kesesuaian zamannya. Selain itu, arahan dan dialog dengan menggunakan bahasa yang mudah dan difahami oleh warga sekolah baik guru-gurunya dan pelajar-pelajar, malah kepada audien yang boleh mengikutinya.

Walau bagaimanapun, buku *Cerita Lisan Brunei: Antologi Skrip Drama Pentas* ini bukanlah sebuah buku teks yang khusus untuk mempelajari subjek drama secara menyeluruh. Akan tetapi, penerbitan buku ini lebih bertujuan untuk membantu memberikan idea dan panduan bagi para guru bagi menghasilkan skrip drama yang bersesuaian dengan peringkat pembelajaran pelajar. Hal ini kerana, pengisian buku ini hanya memuatkan skrip drama sepenuhnya. Dalam erti kata yang lain, buku ini lebih menumpukan penyediaan contoh skrip drama berbanding penyampaian pengetahuan secara teori tentang bidang drama. Tidak ada penjelasan tentang drama secara terperinci dan sebagainya selayaknya sebuah buku teks. Namun begitu, buku ini mempunyai nilai sebagai bahan rujukan dan panduan dengan melihat kepada aspek yang digunapakai dalam menghasilkan skrip drama. Umpamanya, arahan, dialog dan props yang diperlukan disesuaikan juga mengikut kesesuaian peringkat umur bagi para pelajar. Berdasarkan hal tersebut, terbukti bahawa penghebahan mengenai cerita lisan juga boleh dilakukan melalui genre naratif. Ini secara tidak langsung memperlihatkan adanya kelangsungan cerita lisan pada masa kini.

Setelah adaptasi, cerita lisan Brunei juga mengalami transformasi. Hal ini kerana cerita lisan bukan sesuatu yang mati. Dalam erti kata yang lain, cerita lisan tetap hidup dalam apa jua zaman termasuklah zaman digital. Transformasi yang dimaksudkan pula merupakan transformasi yang berteraskan teknologi yang semakin popular iaitu Kecerdasan Buatan (AI). Dalam kebimbangn atau kerisauan tentang kemunculan AI yang 'menguasai' atau 'mendominasi' kehidupan seharian, AI juga

ISBN:2637-126X

mempunyai sisi positif. Jika dimanfaatkan dengan sebaiknya dan kesesuaian, AI akan menjadi alat untuk membantu menghulurkan jambatan warisan budaya kepada generasi 'digital'.

Generasi 'digital' ialah generasi sekarang yang hidup bergantung kepada teknologi. Disebabkan oleh itu, perlu ada usaha melestarikan cerita lisan dengan penggunaan AI. Hal ini bukan sahaja menarik perhatian pembaca tetapi juga memudahkan generasi sekarang yang begitu hebat menggunakan teknologi. Melalui teknologi AI, cerita lisan tidak hanya tertumpu kepada teks semata-mata seperti yang termuat dalam buku *Cerita Lisan Brunei* siri pertama. Sebaliknya, cerita lisan tersebut sudah boleh dinikmati melalui gambar yang direka menggunakan AI tersebut. Apabila melihat kepada situasi ini, terdapat usaha diungkayahkan lagi oleh Program Kesusasteraan Melayu untuk mentransformasi cerita lisan tersebut. Bertitik tolak dari itu, terbit lagi siri baru cerita lisan Brunei dalam bentuk komik. Perkara ini boleh diperhatikan melalui gambar-gambar di bawah:

Gambar 5:Muka depan Komik *Manusia Menjadi Pantung* (2026)



Gambar 6: Muka depan Komik *Bukit Tempayan Pisang* (2026)



ISBN:2637-126X

Kedua-dua buah komik terhasil dengan bantuan AI. Namun, penggunaannya masih dalam kawalan manusia. Walaupun AI boleh menghasilkan gambar tetapi masih memerlukan manusia untuk memberi arahan (*prompt*). Jika tidak ada arahan yang bersesuaian, AI tidak akan dapat berbuat apa-apa. Meskipun hebat dalam segala hal namun AI tersebut hanya enjin yang dikawal oleh manusia secara umumnya. Berbalik semula kepada perbahasan mengenai penerbitan komik. Cerita dua buah komik ini adalah transformasi daripada cerita yang terkandung dalam buku *Cerita Lisan Brunei* tersebut. Dua cerita diolah dengan menggunakan '*tools*' AI sehingga terhasil komik seperti dalam gambar di atas. Dengan adanya komik ini boleh membuka minda pembaca supaya dapat melihat gambaran zaman ketika itu. Malah, penambahan gambar ini memberikan kesan emosi kepada pembaca yang menikmati komik-komik ini.

Selain itu, transformasi menggunakan AI juga terhasil video pendek yang diambil naratifnya daripada Cerita Lisan Brunei.[3] Walau bagaimanapun, disedari juga tentang pentingnya dan 'kesempurnaan' produk adalah hasil kombinasi manusia dan AI. Ini dapat dilaksanakan dengan video pendek juga iaitu visual dan *sound effect* yang merupakan bantuan daripada AI. Meskipun begitu, tidak semua aspek video tersebut digunakan AI. Sebagai contoh, video pendek tersebut mempunyai dialog dan narrator yang tidak sesuai untuk digunakan suara AI. Hal ini kerana, suara AI agak mendatar dan tidak mempunyai 'jiwa'. Oleh sebab itu, suara latar pelakon perlu dirakam secara langsung. Kemudian, barulah disunting dan dijadikan suara latar bagi video pendek tersebut. Dengan itu, emosi yang ingin disampaikan melalui gambar akan dapat dirasai oleh para audiens.

RUMUSAN

Kesimpulannya, dalam konteks Brunei, usaha pendokumentasian dan adaptasi media berpotensi menjadi model pemuliharaan warisan tidak ketara yang lebih dinamik dan lestari untuk dilaksanakan. Cerita lisan Brunei mewakili Warisan Budaya Tidak Ketara bukan sesuatu yang mati. Cerita lisan Brunei ditransformasikan secara inovasi kreatif untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, kelestarian alam dan kesinambungan kehidupan merentas generasi. Ini sejajar dengan kandungan cerita lisan Brunei seperti sumber pengetahuan, nilai kemanusiaan, hubungan manusia dengan alam serta memori kolektif masyarakat. Oleh itu, fungsi cerita lisan sebagai cerminan masyarakat masih relevan sehingga disimpulkan kehidupan masa lalu memandu kehidupan masa kini. Semua ini berkesinambungan walau apa pun zamannya kerana cerita lisan Brunei sudah menjalani zaman tradisi lisan, budaya tulisan, mesin cetak, siber/internet dan sekarang AI.

RUJUKAN

"AI dan Penciptan Karya Antara Buatan Manusia dn Kecerdesan Teknologi". *Forum Sastera Suara Muda Tiga Generasi,* sempena Pesta Buku Brunei 2026, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 14 Julai 2026.

Arina Zata Sabila Musthafa Abrar. 22 September 2026. "AI Membantu Pelastarian Cerita Rakyat Melyu Brunei". https://dewansastera.jendeladbp.my/2026/09/22/22796/ (dilayari pada 30/9/2026)

[3] Video pendek ini ditayangkan semasa Majlis Apresiasi Sastera: Cerita Lisan Brunei Siri 4, 5 dan 6 di Pusat Kesenian Pro Canselor, Universiti Brunei Darussalam pada 10 Jun 2026.

ISBN:2637-126X

Arina Zata Sabila Musthafa Abrar. 22 September 2026. "Ai sebagai Alat Pelangkap dalam Bidang Sastera". https://dewansastera.jendeladbp.my/2026/09/22/22790/ (dilayri pada 30/9/2026)

Ena Herni binti Wasli. (2026). "Menghidupkan Karya Sastera melalui Komik: Adaptasi Visual dalam Pendidikan." *Persidangan Antarabangsa Festival Karya Kanak-kanak Kali-1 2026*, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Islamic Khazanah Hall, Brunei Darussalam, 19-20 September 2026.

Ena Herni binti Wasli. (2025). "Cerita Lisan Brunei Sebagai Naratif Global Selatan: Menjambatani Warisan dan Wawasan Melalui Pedagogi Persembahan". *Seminar Kesusasteraan Asia Tenggara* (SAKAT), Bangunan Perpusatakaan Negara, Singapura, 9-10 September 2025.

Maslin bin Haji Jukim/Jukin, dkk. (2024.) (pngr.). *Cerita Lisan Brunei*. Bandar Seri Begawan: Maslin bin Haji Jukim (Program Kesusasteraan Melayu).

Maslin bin Haji Jukim/Jukin, dkk. (2025). (Ed.). *Cerita Lisan Brunei Siri 2: Beberapa Catatan Pemikiran*. Bandar Seri Begawan: Maslin bin Haji Jukim/Jukin.

Maslin bin Haji Jukim/Jukin, dkk. (2025). (Ed.). *Cerita Lisan Brunei Siri 3: Pemikiran Sepintas Lalu*. Bandar Seri Begawan: Maslin bin Haji Jukim/Jukin.

Maslin bin Haji Jukim/Jukin, dkk. (2025). Ed.. *Cerita Lisan Brunei Siri 4: Antologi Skrip Drama Pentas*. Bandar Seri Begawan: Maslin bin Haji Jukim/Jukin.

Maslin bin Haji Jukim/Jukin, dkk. (20260. *Cerita Lisan Brunei Siri 5: Komik Manusia Menjadi Pantung*. Bandar Seri Begawan: Maslin bin Haji Jukim/Jukin

Maslin bin Haji Jukim/Jukin, dkk. (2026). *Cerita Lisan Brunei Siri 6: Komik Bukit Tempayan Pisang*. Bandar Seri Begawan: Maslin bin Haji Jukim/Jukin

Maslin bin Haji Jukim/Jukin, dkk.(t/t). "Ai Dan Cerita Lisan: Di Sebalik Potensi, Tersimpan Kegusaran". Dihantar untuk Bab Buku "Enam Dekat Menjulang Kata", Dewan Bahasa dan Pusataka Brunei.

Ministry of Education. (2013). *The National Education System for The 21st Century SPN21*. Bandar Seri Begawan: Ministry of Education. Diakses daripada https://wpstorage786f4c975e.blob.core.windows.net/wpblob786f4c975e/wp-content/uploads/2026/06/SPN21-ENG-2013-COMPLETE.pdf pada 2 oktober 2026.

P. Palaniappan. (1991a). *Cerita Rakyat Daerah Brunei Muara Siri Satu.* Gadong: Jabatan Kesusasteraan Melayu.

P. Palaniappan. (1991b). *Cerita Rakyat Daerah Temburong.* Gadong: Jabatan Kesusasteraan Melayu.

P. Palaniappan. (1991c). *Cerita Rakyat Daerah Tutong.* Gadong: Jabatan Kesusasteraan Melayu.

P. Palaniappan. (1991d). *Cerita Rakyat Daerah Belait.* Gadong: Jabatan Kesusasteraan Melayu.

Rosmuliati Haji Yahya. (2026). "Pemanfaatan AI dalam Pelestarian Cerita Rakyat Brunei: Potensi dan Caabaran". *Seminar Antarabangsa Kesusateraan Melayu Asia Tenggara* (SAKAT), di Universiti Sarawak Malaysia, Sarawak, Malaysia, 21-22 September 2026.

ISBN:2637-126X

UNESCO. (t.t). 'Text of the Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage." Diakses daripada https://ich.unesco.org/en/convention#part3 pada 30 september 2026.

"What Is Artificial Intelligence (AI)?". https://www.cfr.org/backgrounders/what-artificial-intelligence-ai?_gl=1*114rsr1*_gcl_au*MTY4MzQxOTE5Ny4xNzc5Mjg4NDc4*_ga*MjI4ODQ0NjA5LjE3NzkyODM2NzA.*_ga_24W5E70YKH*czE3ODI5ODM0MTUkbzM2JGcxJHQxNzgyOTgzNDM2JGozOSRsMCRoMA.. (dilayari pada 30/9/2026)